PELUANG KERJAYA IYRES

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), merupakan agensi di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) mempelawa warganegara Malaysia yang memiliki ciri modal insan berilmu, berkeyakinan, berintegriti, berinovatif, berdaya kreatif, berdedikasi dan berkeperibadian cemerlang untuk mengisi kokosongan jawatan seperti berikut:-

BIL.	JAWATAN	BILANGAN KEKOSONGAN	GAJI MINIMUM
1.	Penolong Eksekutif Penyelidik Gred S5	1	1,650.00

TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 30 NOVEMBER 2026

SYARAT UTAMA LANTIKAN

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : Pentadbiran dan Sokongan

KUMPULAN PERKHIDMATAN : Pelaksana

TARAF JAWATAN : *CONTRACT FOR SERVICE*

SYARAT LANTIKAN : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

i. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred S5: RM1,650.00); atau
ii. Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred S5: RM1,650.00); atau
iii. Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji

permulaan ialah pada Gred S5: RM1,650.00); atau

iv. Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred S5: RM1,893.00).

KELAYAKAN BAHASA MELAYU : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS : Bertanggungjawab membantu menguruskan dan melaksanakan program/projek belia termasuk kerja-kerja menyelaras kegiatan-kegiatan berkenaan, perancangan projek penyelidikan, pengendalian projek penyelidikan, mengumpul, merekod maklumat dan menganalisi data-data projek serta penyediaan peralatan projek penyelidikan.

SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Pemohon yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

PERMOHONAN DAN KAEDAH PELAKSANAAN

1. Pemohon hendaklah mengisi borang permohonan berikut: **BORANG PERMOHONAN PEKERJAAN: PENOLONG EKSEKUTIF PENYELIDIK**

2. Sila kemukakan *resume* terkini beserta gambar berukuran passport terkini, salinan kad pengenalan, salinan sijil kelahiran dan sijil tamat pengajian lengkap dengan transkrip. Semua salinan sijil tersebut perlu disahkan oleh Pegawai Kerajaan daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

3. Permohonan akan terbatal sekiranya pemohon didapati memberi maklumat yang salah/ tidak benar/ manipulasi maklumat dalam borang permohonan. Maklumat-maklumat tersebut akan disemak secara terperinci pada hari temu duga.

4. Semua permohonan yang diterima akan ditapis dan disaring berasaskan kepada kriteria-kriteria yang telah ditetapkan dan mengikut kelayakan yang dinyatakan. Pemohon yang melepasi saringan sahaja akan dipanggil untuk menghadiri temu duga.

5. Mereka yang tidak dihubungi dalam masa tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka sebagai tidak berjaya.

6. Permohonan hendaklah dihantarkan ke dalam sampul surat dan di penjuru atas sebelah kiri sampul surat berkenaan ditulis dengan huruf besar **"JAWATAN KOSONG: PENOLONG EKSEKUTIF PENYELIDIK"** ke alamat seperti berikut:

   Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)
   Kementerian Belia dan Sukan
   Aras 10, Menara KBS, No.27 Persiaran Perdana, Presint 4,
   Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
   62570 PUTRAJAYA
   (u/p: Bahagian Khidmat Pengurusan)

7. Permohonan secara *hardcopy* dengan serahan tangan/ pos laju sahaja yang akan diterima. Salinan permohonan secara atas talian tidak akan dilayan.

8. Tarikh tutup permohonan iklan jawatan ini ialah pada **30 NOVEMBER 2026** (sebelum atau pada jam 2.00 petang).